

05/02/1999

Wanita laungkan `reformasi': Saksi

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Majistret di sini hari ini diberitahu, orang ramai melaungkan `reformasi' sambil membawa sepanduk bertulis perkataan `Bebaskan Anwar' dan `Undur Mahathir' ketika menyertai perhimpunan haram di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Oktober lalu.

Bekas Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Senior Asisten Komisioner II Zainal Abidin Ali, memberitahu mahkamah pada awalnya beliau tidak mengeluarkan arahan untuk pihak polis bertindak terhadap mereka yang berhimpun kerana mereka tidak membuat apa-apa, selain berkumpul.

Bagaimanapun, beliau kemudian mengarahkan seorang anggota polis wanita, Konstabel Norazilah Abdul Latiff membuat tangkapan ke atas seorang wanita yang menari di atas jalan raya di hadapan bangunan Sogo sambil melaungkan perkataan `reformasi'.

"Keadaan ini menjadikan suasana yang tenang pada mulanya di kawasan itu menjadi kacau apabila laung-laungan dan tarian wanita ini mendapat sambutan hangat daripada mereka, yang saya percaya menyokong tindakannya tadi.

"Keadaan lalu lintas yang sebelum ini berjalan lancar, mula tersekat kerana ramai berada di atas jalan raya itu," katanya ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Abang Iskandar Abang Hashim.

Menurut Zainal, mereka yang berkumpul di depan bangunan Sogo sejak kira-kira jam 3 petang mula menuju beramai-ramai ke arah Dataran Merdeka pada kira-kira jam 6 petang untuk solat Maghrib di Masjid Negara.

Selain itu, katanya, ada kumpulan kedua berhimpun di persimpangan Jalan Raja Laut-Tun Perak.

Menurutnya, kumpulan itu juga berdiam diri pada mulanya tetapi kemudian mula melaungkan perkataan `reformasi' dan `bebaskan Anwar'.

Zainal berkata, beliau memberi nasihat serta amaran beberapa kali dan hanya memerintahkan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) mengambil tindakan apabila arahnya supaya mereka bersurai, tidak dipedulikan.

Menjawab soalan peguam Manjeet Singh Dhillon, Zainal berkata beliau tahu tujuan mereka berada di situ adalah untuk mengadakan perhimpunan.

Beliau juga mengaku ada memberikan arahan kepada pihak FRU untuk menggunakan kekerasan jika mereka yang berhimpun enggan bersurai.

Zainal memberi keterangan dalam kes terhadap 126 orang, termasuk 17 wanita yang dituduh enggan mematuhi arahan polis untuk bersurai dalam dua perhimpunan haram pada 17 Oktober lalu.

Kumpulan pertama seramai 62 orang, didakwa sebagai anggota perhimpunan haram dan mengingkari perintah bersurai oleh Zainal di antara Kompleks Pertama ke Persimpangan Jalan Tuanku Abdul Rahman/Jalan Tun Perak, antara jam 3.10 petang hingga 9.30 malam 17 Oktober lalu.

Seramai 64 orang dalam kumpulan kedua pula, didakwa sebagai anggota perhimpunan haram dan mengingkari perintah bersurai oleh Zainal di kawasan persimpangan Jalan Raja/Jalan Lebu Pasar, antara jam 9.30 malam hingga 10.30 malam 17 Oktober lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 27(4) dan 27(5) Akta Polis 1967 (Akta 344) dan menghadapi hukuman maksimum denda sehingga RM10,000 atau setahun penjara.

Kumpulan pertama juga tidak mengaku salah atas tuduhan pilihan iaitu menghadiri satu perhimpunan haram di Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman pada jam 3.10 petang hingga 9.30 malam pada 17 Oktober lalu.

Kumpulan kedua pula tidak mengaku salah atas tuduhan pilihan menghadiri

perhimpunan haram di persimpangan Jalan Raja/Jalan Lebu Pasar antara jam 9.30 malam hingga 10.30 malam pada hari yang sama.

Sementara itu, isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, hadir ketika mahkamah berehat pada waktu tengah hari bersama anak sulungnya, Nurul Izzah untuk memberikan sokongan moral kepada semua tertuduh.

(END)